



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PAMERAN 6
FINALIS "*BORR DESIGN IDEA
COMPETITION*"

24 APRIL 2019 (RABU)

11.45 PAGI

**RUANG TERBUKA TINGKAT 3
PENANG SENTRAL
BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Murali Ram

Pengarah Urusan Think City

Yang Berusaha Encik Raymond Cheah

Chief Executive Officer

Malaysian Resources Corporation Berhad

Yang Berusaha Encik Charles Teo

Wakil Institute Arkitek Landskap Malaysia

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Pameran 6 Finalis “*BORR Design Idea Competition*” yang merupakan satu inisiatif di bawah Program Butterworth Baharu untuk memulihkan kawasan *harbourfront* Butterworth.

Program ini melibatkan kerjasama erat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Think City Sdn. Bhd. dengan Institute Arkitek Landskap Malaysia (*Institute of Landscape Architects Malaysia – ILAM*). Program ini juga mendapat sokongan padu daripada *Malaysian Institute of Planners* (MIP), Penang Sentral, Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Pejabat Tanah dan Galian (SPU), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), HP DesignJet, dan Jabatan Landskap Negara.

Kerjasama atau kolaborasi di antara pelbagai agensi dan organisasi awam dan juga swasta merupakan satu contoh cemerlang dalam memperkasakan projek-projek fizikal di bawah Pelan Butterworth

Baharu melalui pendekatan kreatif untuk *unlocking the power of partnership* menggunakan konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet, Partnership*). Kami amat berharap agar kerjasama seperti ini akan dapat diteruskan dalam mentransformasikan kawasan-kawasan pesisir pantai di Butterworth untuk menjadi *harbourfront* bertaraf dunia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Dalam usaha untuk memulihkan serta meremajakan Bandar Butterworth, Think City Sdn. Bhd. dan MPSP telah menandatangani Memorandum Persefahaman pada tahun 2015 dan membangunkan rangka kerja pemulihan Butterworth yang dikenali sebagai program Butterworth Baharu. Di bawah inisiatif ini, tumpuan bagi peremajaan termasuklah *Butterworth Waterfront*, Sungai Perai, Pekan Lama dan kawasan *harbourfront*. Kawasan-kawasan ini telah dikenal pasti untuk peremajaan sebagai lokasi berpotensi tinggi untuk meningkatkan daya hidup (*liveability*) Bandar Butterworth.

Pembangunan Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) pada tahun 2006 yang bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas di

Lebuhraya PLUS telah mengurangkan perhubungan sosial antara penduduk Butterworth dan kawasan pantai dan sungai yang berdekatan. Ianya menjadi satu halangan bagi penduduk tempatan khususnya pejalan kaki serta basikal untuk menggunakan laluan yang selamat ke arah sungai dan pantai bagi rekreasi atau riadah.

Perubahan infrastruktur yang kekal, iaitu BORR, yang pada asalnya mengutamakan keperluan lalu lintas telah secara tidak langsung mendesak keperluan untuk melaksanakan penambahbaikan kepada kawasan aktiviti penduduk tempatan. Dengan memperkenalkan konsep *Urban Public Spaces Below Highway* di mana kawasan lapang di bawah jejantas lebuhraya dimaksimumkan dan dimanfaatkan potensi sebenarnya dengan memperkenalkan Kawasan Lapang Awam Perbandaran di Bawah Jejantas Lebuhraya yang menarik bagi penduduk setempat menjalankan aktiviti rekreasi dan riadah.

Dalam melaksanakan program *Urban Public Spaces Below Highway*, MPSP dan rakan strategik 7Ps telah mengemukakan rangka kerja yang melibatkan penglibatan awam (*people centric*) termasuk komuniti golongan B40, penduduk-penduduk setempat mahupun pendatang asing (Rohingya). Selain itu, dua (2) buah sekolah

berhampiran telah dijemput bersama dalam mendapatkan maklum balas untuk merangka satu pelan perancangan dan pembangunan kawasan lapang awam di bawah jejantas BORR. Cadangan Pelan Induk di Jejantas BORR melibatkan kawasan dari Penang Sentral sehingga ke kawasan Bagan Dalam.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Bagi peringkat permulaan, iaitu pada 5 November 2018, Pertandingan Idea Reka Bentuk untuk Kawasan Lapang Awam Perbandaran di Bawah Jejantas BORR (*Urban Public Spaces Below Highway BORR Design Idea Competition*) secara talian terus (*online*) dilancarkan. Tujuan Pertandingan Idea Reka Bentuk untuk Kawasan Lapang Awam di bawah Jejantas BORR adalah:

- i. Untuk memupuk pemikiran kreatif daripada penduduk tempatan;
- ii. Menggalakkan rekabentuk idea yang memenuhi keperluan komuniti di kawasan tersebut;
- iii. Untuk memupuk semangat kemasyarakatan dan kebanggaan penduduk Malaysia;

- iv. Menggalakkan kegunaan tanah terbiar untuk kegunaan awam dan komuniti; dan
- v. Menghubungkan persisiran pantai Butterworth dengan Pekan Lama.

Cara pemarkahan dan penilaian penyertaan adalah berdasarkan lima kriteria yang ditetapkan iaitu Keberkesanan Kos (*Cost Effectiveness*) [10%], Konsep Inovasi dan Rekabentuk (*Concept and Design Innovation*) [25%], Rekabentuk Kemampanan (*Design Sustainability*) [15%], Pematuhan (*Compliance*) [25%] dan Rekabentuk Estetika dan Fungsi (*Design Aesthetics and Functionality*) [25%]. Hadiah kemenangan adalah berupa wang tunai dan sijil penghargaan.

Sejumlah 157 penyertaan telah didaftarkan dari seluruh Malaysia dan seramai enam (6) peserta pertandingan telah disenarai pendek oleh para juri yang terdiri dari rakan-rakan strategik MPSP. Pembentangan oleh peserta-peserta telah diadakan baru-baru ini untuk memilih pemenang-pemenang. Tuan-tuan dan puan-puan, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengumumkan pemenang-pemenangnya;

- I. Hadiah Tempat Pertama yang berupa wang tunai RM10,000.00 dan sijil penghargaan dimenangi oleh Encik Wah Wen Keat, Encik Donguk Kee dan Estremos Pocholo Colo daripada **WLP Group**
- II. Hadiah Tempat Kedua yang berupa RM8,000.00 dan sijil penghargaan dimenangi oleh Encik Mohamad Haniff Bin Muhamad Mokhtar, Encik Fataroni Bin Mat Saad, Encik Fahami Bin Yahya dan Encik Khairil Bin Mahmud daripada **Fataroni Ms Architect.**
- III. Tempat Ketiga dengan hadiah kemenangan sebanyak RM5,000.00 dan sijil penghargaan dimenangi oleh **Encik Amir Faiz Bin Zahib.**
- IV. Hadiah sagu hati dimenangi oleh
 - a. Encik Cheng Chew Giap, Encik Kua Wen Tek, Encik Mun Kai Hoang, Puan Pang Ann Gee dan Puan Camelia Kam Li Dhing daripada **CG Cheng Architect**
 - b. Ar. Tan Sih Pin dan Tengku Ariff Riduan daripada **S.PIN Architect**
 - c. Ar. Muhammad Qhawarizmi Bin Norhisham dan Ar. Yasmin Binti Abdul Rahman daripada **Manifesto of**

Design and Research in Experimental Architecture

(MRDXA)

Masing-masing memenangi RM1,000.00 & sijil penghargaan

Tahniah dan syabas, saya diucapkan kepada yang berjaya dan sebentar lagi kita semua akan menyaksikan idea-idea dan persembahan mereka yang hebat dalam majlis pelancaran pameran pada pagi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pameran hari ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan ruang awam untuk penduduk tempatan, inklusif kepada semua komuniti di kawasan berdekatan selaras dengan matlamat MPSP untuk menyediakan ruang awam untuk rekreasi dan riadah. Dengan mewujudkan ruang terbuka yang menarik dan berfungsi untuk perhimpunan komuniti dan penggunaan riadah yang sihat, projek itu akan memaksimumkan potensi ruang yang tidak efisien ini dan meningkatkan kebolehgunaan di Butterworth. Penyediaan kawasan lapang seumpama ini dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* di Pulau

Pinang yang lebih ceria dan *vibrant*. Ini merupakan satu program yang menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa serta juga memperkembangkan *Local Economic Development* (LED) dengan mewujudkan ruang-ruang perniagaan (penjaja dan *food trucks*) dan memberi peluang serta menggalakkan peniaga-peniaga untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

MPSP menyeru pihak-pihak swasta untuk tampil ke hadapan untuk membantu dalam menjadikan "*Urban Public Spaces Below BORR Highway*" satu kenyataan. Sekiranya ia dapat dilaksanakan, maka konsep kawasan lapang awam di bawah jejantas lebuh raya akan menjadi yang pertama seumpamanya di seluruh Malaysia.

Akhir kata, terima kasih kepada warga Seberang Perai yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan menyeru penglibatan seluruh warga Seberang Perai untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih